

Pemikiran Raja Ali Haji Tentang Sifat Dengki: Analisis Terhadap *Thamarat Al-Muhimmah* dan *Tuhfat Al-Nafis*

Raja Ali Haji's Thought on Envy: An Analysis Based on Thamarat Al-Muhimmah and Tuhfat Al-Nafis

Annuar Ramadhon Kasa^{a*}, Akmaliza Abdullah^b

^aJabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

^bAkademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310, UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Corresponding author: 17162036@siswa.um.edu.my

Article history

Received: 2021-12-11 Received in revised form: 2022-03-10 Accepted: 2022-03-12 Published online: 2022-10-31

Abstract

Envy is one of psychological disorder which could cause various negative impacts such as slander, quarrel and even assassination. Raja Ali Haji specially emphasized this matter theoretically in the last chapter of *Thamarat al-Muhimmah* (Mirror for Rulers Works) while numerous of real-life examples pertaining to the envy elements based on historical events appeared in *Tuhfat al-Nafis* (Historical Works). Thus, this article endeavours to analyse Raja Ali Haji's thought regarding envy based on his afore mentioned two works. This is qualitative research, which applies library research method to collect data and textual analysis method with inductive approach to analyse the data. The finding indicates a holistic picture of envy in accordance to Raja Ali Haji's view encompassed the definition, retribution, historical illustration and the cure for this disease. According to him, the envy is one of human internal disposition crisis, which orientates towards tyranny. The delineation of the envy element by Raja Ali Haji in both of his works depicts his exertion to produce a good man by liberating from the disorder. Its significance for oneself to liberate from this tyranny orientated disorder due to its impact which may triggering negative consequences in world and hereafter.

Keywords: Raja Ali Haji's thought, envy, *Thamarat al-Muhimmah*, *Tuhfat al-Nafis*, tyranny.

Abstrak

Dengki merupakan salah satu masalah psikologi yang boleh mencetuskan pelbagai impak negatif seperti fitnah, perkelahian dan pembunuhan. Sifat ini mendapat perhatian khusus Raja Ali Haji secara teori dalam bahagian penutup *Thamarat al-Muhimmah* (karya ketatanegaraan) manakala contoh-contoh realiti berbentuk sejarah dapat dilihat dalam *Tuhfat al-Nafis* (karya sejarah). Justeru, artikel ini akan menganalisis pemikiran Raja Ali Haji tentang dengki dalam kedua-dua karya tersebut. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang mengaplikasikan metode kajian kepustakaan bagi mengumpul data. Manakala metode analisis tekstual dengan pendekatan induktif diaplikasikan bagi menganalisis data. Kajian ini merumuskan pandangan Raja Ali Haji secara holistik terhadap dengki merangkumi definisi, balasan, contoh-contoh sejarah dan penawarnya. Menurut beliau, dengki merupakan salah satu krisis disposisi dalaman manusia yang berorientasikan kezaliman. Penayangan sifat dengki dalam kedua-dua karya tersebut mencerminkan matlamat beliau untuk melahirkan manusia yang baik dengan membebaskan diri daripada dengki. Usaha-daya pembebasan daripada krisis dalaman yang berorientasikan kezaliman adalah suatu yang signifikan dalam usaha melahirkan manusia yang baik kerana dengki mengkonsekuensikan sejumlah kerugian kepada diri pelaku di dunia dan akhirat.

Kata kunci: Pemikiran Raja Ali Haji, dengki, *Thamarat al-Muhimmah*, *Tuhfat al-Nafis*, kezaliman.

1.0 PENDAHULUAN

Dengki merupakan salah satu krisis disposisi dalaman manusia. Ia ditakrifkan sebagai kebencian atas faktor cemburu dan niat jahat yang terpendam terhadap seseorang (Kamus Dewan, ed. Keempat, 2005). Menurut sarjana Muslim seperti al-Ghazali (1995) dan Abdul Qadir al-Mandili (t.t.), dengki merujuk kepada sifat dalaman individu yang bercita-cita untuk menghilangkan nikmat dunia atau agama individu lain. Dengki dicetuskan oleh beberapa perasaan seperti takbur, bermusuhan dan menuruti kehendak hawa nafsu lantaran ketidaksenangan hati melihat nikmat diperolehi orang lain (Yazid Maarof & Mohamad Kamil, 2015). Dari sudut psikologi, dengki terkait dengan perasaan terseksa dan tertekan yang memungkinkan permusuhan dan kebencian terhadap orang yang didengki (Ila Nurlaila & Witrin, 2020). Rentetan itu, Hamka (1990) mengkategorikan dengki sebagai salah satu penyakit kritikal lantaran gangguan keadaan psikologi jiwa yang menimbulkan heterogen perilaku luar batas pemikiran rasional. Sekaligus berupaya menyebabkan seseorang hilang akal dan pertimbangan (Siti Nursima & Ahmad Najib, 2017). Hamza Yusuf (2012) juga menyifatkan dengki sebagai krisis terbesar dalam hierarki penyakit batin bahkan manifestasinya terpancar sejak sejarah awal pertembungan manusia dengan Iblis.

Ketokohan Raja Ali Haji memang tidak dapat disangkal lagi sehingga diapresiasi oleh sarjana Barat seperti R.O. Winstedt yang memuji beliau sebagai “*one of the greatest Malay writers of the 19th Century*” (Riddell, 2001). Ketokohan beliau terpancar melalui penghasilan dua karya agung iaitu *Thamarat al-Mubimmah* (karya ketatanegaraan) dan *Tuhfat al-Nafis* (karya sejarah). Atas visi Raja Ali Haji yang berorientasikan penyelamatan bangsa di dunia dan akhirat menyebabkan pelbagai mesej berunsurkan keagamaan terpancar melalui karya-karyanya (Abu Hassan, 1995). Lakaran 14 sifat madhmumah batiniah dapat dilihat dengan jelas dalam bahagian penutup *Thamarat al-Mubimmah* meskipun ianya tidak disertakan dengan anekdot sejarah sebagaimana karya ketatanegaraan yang lain. Akan tetapi, *Tuhfat al-Nafis* yang ditulis lapan tahun setelah *Thamarat al-Mubimmah*, berfungsi sebagai pelengkap yang signifikan dengan menyajikan contoh-contoh realiti sepanjang sejarah Kesultanan Johor-Riau-Lingga. Kisah-kisah ini meliputi hampir kesemua sifat-sifat madhmumah teoretikal yang dinyatakan Raja Ali Haji dalam *Thamarat al-Mubimmah* (Jelani Harun, 2003). Ini termasuklah deskripsi dan huraian tentang sifat dengki dalam kedua-dua karya yang menjadi tumpuan bagi kajian ini. Jelas, wujud korelasi signifikan di antara *Thamarat al-Mubimmah* dan *Tuhfat al-Nafis* berkaitan dengki meskipun kedua-duanya berbeza genre. Walau bagaimanapun, kajian yang mengintegrasikan kandungan kedua-dua teks dalam satu persoalan masih berada pada paras minimal. Tambahan pula, kajian terhadap pemikiran Raja Ali Haji secara spesifik terhadap sesuatu sifat madhmumah tidak pernah dilakukan. Justeru, kajian ini akan membahaskan pemikiran Raja Ali Haji tentang dengki dalam *Thamarat al-Mubimmah* dan *Tuhfat al-Nafis*.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Kajian terhadap Raja Ali Haji sememangnya telah banyak dilakukan oleh sarjana antarabangsa dan tempatan memandangkan beliau merupakan tokoh *polymath* Alam Melayu pada abad ke-19M (Winstedt, 1991; Abu Hassan, 1995; Hooker, 1998; Mardina Nordin, 2001; Mohd. Yusof, 2010; Arba'iyah, 2014, 2015, 2021; & Nurliana, 2018). Walau bagaimanapun, perbincangan tentang persoalan dengki dalam *Tuhfat al-Nafis* tidak banyak disentuh oleh para pengkaji. Ia lebih tertumpu kepada keistimewaan *Tuhfat al-Nafis* seperti kajian terhadap gambaran kelengkapan perang (Norain, 2012), historiografi (Makmur, Mohd Kasturi & Sitti Rachmawati, 2017) dan kajian sumber (Alimuddin Hassan, 2018). Menurut Alimuddin Hassan (2018), terdapat lima ciri istimewa *Tuhfat al-Nafis* iaitu (1) proses kronologi sejarahnya yang panjang, (2) konsepsi sejarah yang luas, (3) kaedah historiografi pengarang yang membangunkan kaedah baru dalam perakaman peristiwa lampau, (4) sintesis baru di antara kebudayaan Melayu dan Islam serta (5) gaya bahasa dan isinya

yang menarik. Bagi Arba'iyah (2014, 2015 & 2021), *Tuhfat al-Nafis* memaparkan sifat kekritisannya Raja Ali Haji dalam memberi pengadilan moral terhadap pemimpin-pemimpin lampau dengan menekankan konsep nilai, etika dan agama pemimpin sebagai kunci batin jatuh-bangun kerajaan yang dipimpin. Hal ini dapat dilihat dengan lebih jelas dalam kajian Tatiana Denisova (2011) menerusi pemerihal konsep keadilan. Maklumat tentang konsep tersebut adalah berdasarkan kepada catatan dalam *Tuhfat al-Nafis* tentang perbuatan baik dan buruk pemerintah yang berhubung dengan pembalasan sama ada terhadap diri pelaku atau kerajaan yang dipimpin. Dalam skop yang sama, kajian Amirul dan Norazimah (2021) memaparkan beberapa ciri kepemimpinan yang adil dalam *Tuhfat al-Nafis* selaras dengan kepemimpinan yang dituntut Islam.

Disebabkan *Thamarat al-Mubimmah* bergenre ketatanegaraan, kebanyakan sarjana cenderung melakukan kajian terhadap pemikiran ketatanegaraan dan politik Raja Ali Haji. Jelani Harun (2003) meletakkan Raja Ali Haji sebagai seorang pemikir yang cenderung menekankan etika pelaksana undang-undang sebagai asas mewujudkan keadilan hakiki. Selaras dengan Khalif Muammar (2011) yang menyifatkan pemikiran ketatanegaraan dan politik Raja Ali Haji berpokok-pangkalan falsafah moral dan berpaksikan keadilan menurut persepektif Islam. *De-facto*-nya, perbincangan mewujudkan urus-tadbir yang baik (*good governance*) tidak mungkin terlaksana tanpa pemerkasaan dan pemugaran unsur dalaman insani. Hal yang demikianlah ditekankan oleh Raja Ali Haji dalam bab terakhir *Thamarat al-Mubimmah*. Memang kenyataannya, seorang pemerintah yang baik tidak mungkin diwujudkan tanpa dirinya mengetahui di antara baik dan buruk (Khalif Muammar, 2018).

Perbincangan yang mengintegrasikan kandungan kedua-dua karya agung Raja Ali Haji tidak banyak dilakukan. Hanya beberapa pengkaji seperti Tatiana Denisova (2015) menyimpulkan sejarah *Tuhfat al-Nafis* sebagai set *epitome* pemimpin adil serta kumpulan tingkah-laku pemimpin zalim dalam Kesultanan Johor-Riau-Lingga yang dikarang berasaskan teori ketatanegaraan dalam *Thamarat al-Mubimmah*. Memang *Thamarat al-Mubimmah* tidak menyediakan contoh-contoh sejarah sebagaimana karya-karya ketatanegaraan lain tetapi ianya begitu kombatif dalam persoalan akhlak pemimpin. Berkemungkinan ianya ditujukan kepada Sultan Mahmud Muzaffar Syah kerana kebanyakan sejarah tentang baginda dalam *Tuhfat al-Nafis* bertepatan dengan kriteria sifat madhmumah dalam *Thamarat al-Mubimmah* (Jelani Harun, 2016). Ironinya, kajian tentang salah satu sifat madhmumah secara komprehensif dan spesifik tidak pernah dilakukan.

Menurut Thoriq Muiz (2002), dengki berakar daripada dendam manakala dendam terhasil daripada perasaan marah. Justeru, ianya merupakan penyakit tiga serangkai rentetan krisis nafsiyah (nafsioparasit) dalam diri manusia (Thoriq, 2002). Etiologi dengki berpokok-pangkal kepada permusuhan dan kebencian (*a'dawah*), kesombongan (*takabbur*) dan merasakan diri mulia (*ta'aẓẓuṣ*) (Hamza Yusuf, 2012). Akibatnya, dengki mendampakkan keterhalangan daripada kebaikan, ketidaksempurnaan iman, meragut ketenangan hidup dan dorongan mengerjakan penganiayaan (IPG KBL, 2014). Dengki dimanifestasikan melalui penganiayaan terhadap orang yang didengki seperti menuduh perempuan yang baik mengkhinai suami dan memfitnah sehingga mangsa dihukum tanpa pengadilan (Siti Nursima & Ahmad Najib, 2017). Aristotle meletakkan dengki sebagai aksi yang mengundang ketidakadilan (*contribute to injustice, lead to actions aimed to others*) (Christensen, 2017). Menurut Ramli Awang (2012), makna keadilan itu sendiri berlawanan dengan kezaliman kerana keadilan tidak cenderung kepada perbuatan berorientasikan nafsu dan melampaui batas sebaliknya memberikan hak sebenar pada tempat, hukum atau kedudukannya. Bahkan, beliau turut mengutip kata-kata al-Qurtubi bahawa konsep sebuah penganiayaan dan kezaliman pada akhirnya mencetuskan pembunuhan serta kekacauan kritikal. Serupa jua dengan penegasan Ibnu Khaldun bahawa, "*kezaliman merosakkan pembangunan, dan kemajuan suatu tamadun dalam sesebuah negara akan terhenti disebabkan kerosakkan...*" (Ibnu Khaldun, 2004). Kegagalan kawalan sendiri daripada perbuatan bersifat destruktif sama ada berakar dari krisis disposisi

dalam atau luaran sekalipun, ianya tergolong dalam makna kezaliman. Atas dasar inilah, Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993 & 2001) menegaskan bahawa keadilan dan kezaliman bermula dan berakhir dengan diri sendiri. Sekalipun seseorang itu melakukan perkara tidak baik kepada orang lain, hakikatnya dia melakukan kezaliman terhadap dirinya sendiri kerana mengelirukan jiwa dan menyalahgunakannya sehingga mengakibatkan pelanggaran perintah-perintah Tuhan. Oleh itu, adalah signifikan untuk dibahaskan sifat dengki menurut pemikiran Raja Ali Haji memandangkan ianya ditekankan secara holistik melalui gambaran dengki teoretikal (definisi, jenis, akibat dan penawar dengki) dalam *Thamarat al-Mubimmah* dan secara praktikal sejarah (contoh-contoh daripada peristiwa lampau) dalam *Tubfat al-Nafis*. Tambahan pula, ianya tidak pernah disentuh secara komprehensif dalam mana-mana kajian.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang dijalankan dengan menggunakan metode kajian kepustakaan bagi mengumpul data dan metode analisis tekstual dengan pendekatan induktif bagi menganalisis data. Teks yang digunakan ialah *Thamarat al-Mubimmah* hasil transliterasi Wan Mohd Shaghir (2014) dan naskhah *Tubfat al-Nafis* yang ditransliterasikan oleh Virginia Matheson Hooker (1998). Menurut Tatiana (2021), karya transliterasi masih dianggap sebagai sumber primer meskipun bukan dalam bentuknya (tulisan jawi) yang asal.

4.0 LATAR BELAKANG RAJA ALI HAJI

Nama penuh beliau ialah Tengku Haji Ali al-Haj bin Tengku Haji Ahmad. Tengku Haji Ahmad (lebih dikenali sebagai Raja Ahmad atau Engku Haji Tua) merupakan anak kepada Raja Haji yang terkenal dek kesyahidannya di Teluk Ketapang. Ibu Raja Ali Haji pula ialah Che Hamidah yang merupakan anak kepada Panglima Perang Malik Selangor (Nurliana, 2018). Dapatlah dibayangkan, Raja Ali Haji hidup sebagai golongan bangsawan memandangkan keturunan bapanya sampai kepada Opu Lima Bugis Bersaudara melalui jalur Opu Daeng Chelak (moyang Raja Ali Haji) manakala keturunan ibunya merupakan keturunan yang berpengaruh dalam kerajaan Selangor. Menurut Abu Hassan (1995), Raja Ali Haji dianggarkan hidup antara 1809-1870M. Penyelidik bersetuju bahawa Raja Ali Haji lahir pada tahun 1809M berdasarkan maklumat perjalanan Raja Ali Haji untuk menunaikan Haji ketika beliau berusia 19 tahun pada 18 Sya'ban 1243H bersamaan 5 Mac 1828M seperti disebutkan di dalam *Tubfat al-Nafis* (*Tubfat al-Nafis*: 39). Raja Ali Haji dianggarkan meninggal dunia pada tahun 1873M akibat ketidakwujudan surat yang dihantar oleh beliau kepada Von de Wall selepas tahun 1872M. Surat terakhir yang dihantar kepada Von de Wall bertarikh 31 Disember 1872M (Van Putten & Al-Azhar, 1995).

Raja Ali Haji mendapat pendidikan awal daripada ayahanda beliau, Raja Ahmad yang terkenal sebagai seorang tokoh intelektual di Pulau Penyengat. Menurut Abu Hassan (1995), Raja Ali Haji juga menerima pendidikan awal secara tradisional iaitu membaca al-Qur'an dan asas-asas agama dalam pelajaran fardu ain. Bermula tahun 1822M, Raja Ali Haji telah mengikuti rombongan bapanya sebagai utusan Kesultanan Riau ke Betawi dan aktiviti ini membolehkan Raja Ali Haji menuntut ilmu falak daripada Sayyid Abdul Rahman al-Masri serta mendalami ilmu fiqh (Wan Mohd Shaghir, 2014). Kemudiannya pada tahun 1828M, Raja Ali Haji bersama rombongan Diraja Riau yang diketuai oleh Raja Ahmad sepertimana tercatat dalam *Tubfat al-Nafis* telah menunaikan Haji dan tinggal di Mekah selama setahun (Muhd Yusof, 2010). Situasi ini membuka peluang kepada Raja Ali Haji untuk menimba ilmu daripada para ulama yang terkenal seperti Syeikh Daud al-Fatani, Syeikh Abdul Ghani Bima, Syeikh Ahmad Khatib Sambas, Syeikh Muhammad Zain al-Fatani dan Syeikh Muhammad Saleh al-Fatani (Khalif Muammar, 2018). Menurut Raja Hisyamuddin dan Bharuddin (2012), Raja Ali Haji juga tidak ketinggalan menuntut ilmu daripada

para ulama di Pulau Penyengat seperti Habib Syeikh al-Saqaf, Syeikh Ahmad Jibrati, Syeikh Ismail bin Abdullah al-Minkabawi, Syeikh Abdul Ghaffur bin Abbas al-Manduri serta sempat berguru dengan Mufti Besar kerajaan Johor-Riau-Lingga iaitu Tuan Haji Abdul Wahab.

Dalam pentadbiran Riau, Raja Ali Haji menumpahkan kesetiaannya sebagai penasihat kepada Yang Dipertuan Muda (selepas ini disebut YDM sahaja) Raja Abdul Rahman (1831-1844M) diikuti dengan YDM Raja Ali (1844-1857), YDM Raja Abdullah (1857-1858) serta YDM Raja Muhammad Yusuf (1858-1899) (Mardiana, 2001). Abu Hassan (1995) menyatakan bahawa Raja Ali Haji tidak hanya berperanan sebagai penasihat dari sudut politik sahaja tetapi turut menjadi guru agama kepada empat orang YDM tersebut. Bahkan beliau telah dipertanggungjawabkan untuk menenangkan YDM Raja Ali dan YDM Raja Abdullah ketika mereka nazak. Untuk itu, Raja Ali Haji membaca surah Yaasin dan memberi peringatan tentang alam barzakh serta mengingatkan fatwa tarekat mereka (*Tuhfat al-Nafis*: 440 & 459). Raja Ali Haji juga tidak ketinggalan untuk berkhidmat sebagai guru agama dan bahasa Arab kepada anak-anak tempatan di sebuah pondok di Pulau Pengujaan berdasarkan deskripsi dalam surat yang dihantarnya kepada Von de Wall bertarikh 27 Mac 1867 (Van Putten & Al-Azhar, 1995).

5.0 LATAR BELAKANG *THAMARAT AL-MUHIMMAH* DAN *TUHFAT AL-NAFIS*

Thamarat al-Muhimmah Dijayat li'l Umara'i wa'l-Kubara'i li-Ahli al-Mahkamah (seterusnya disebut *TM* sahaja) merupakan karya Raja Ali Haji yang selesai ditulis pada hari Selasa, 10 Syaaban 1257H/1858M dan memiliki 76 halaman (Wan Mohd Shaghir, 2014). Judulnya membawa maksud “Buah-buahan yang dicita-cita hal keadaan jadi jamuan bagi Raja-raja dan Orang Besar-besar yang mempunyai pekerjaan di dalam tempat berhukum” dalam bahasa Melayu. Menurut Khalif Muammar (2018), karya ini merupakan satu kesinambungan daripada sebuah lagi karya ketatanegaraan Raja Ali Haji berjudul *Muqadimmah fi Intizam* yang ditulis sebagai satu peringatan berbentuk peringatan (*admonishment and firm warning*) dan nasihat. Oleh sebab itu, ianya telah dinamakan sebagai “Muqadimmah” yang bermaksud pengantar sebagai gambaran awal akan lahir satu lagi karya setelahnya dan ianya merujuk kepada *TM*. Dalam karya ini juga, Raja Ali Haji dilihat menekankan segenap aspek tugas pemerintah dan pembesar dengan tumpuan terfokus kepada pembentukan etika dalam melaksanakan undang-undang berorientasikan ajaran Islam.

TM boleh dibahagikan kepada lima bahagian iaitu (1) mukadimah yang menerangkan kelebihan ilmu, (2) bab pertama tentang maksud raja dan hukum mendirikan sebuah kerajaan yang terdiri daripada 4 fasal, (3) bab kedua tentang tertib kerajaan dan aturan mahkamah yang terdiri daripada 10 fasal, (4) bab ketiga tentang sifat tercela (fizikal) yang perlu dielakkan raja dan orang-orang besar yang terdiri daripada 3 fasal dan (5) khatimah (penutup) yang menyenaraikan 14 sifat tercela (rohani). Dalam bahagian kelima inilah, pelbagai sifat-sifat madhmumah batiniah dinyatakan oleh Raja Ali Haji termasuklah *al-basad* (dengki). Menurut Jelani Harun (2003), *TM* menumpukan kaedah huraian secara terus dan bersifat khutbah kerana ianya tidak disampaikan dengan selingan kisah-kisah nasihat sebagaimana karya-karya ketatanegaraan yang lain. Persamaan di antara *TM* dan *Tuhfat al-Nafis* dapat dilihat pada bahagian awal kedua-dua karya tersebut yang dimulakan dengan elemen doksologi (pujian kepada Tuhan).

Bagi *Tuhfat al-Nafis* pula, ianya menayangkan contoh-contoh praktikal berunsurkan didaktik berdasarkan teori ketatanegaraan Raja Ali Haji dalam *TM* (Tatiana, 2015). *Tuhfat al-Nafis* (selepas ini disebut *TN* sahaja) merupakan dua perkataan dalam bahasa Arab yang membawa maksud “anugerah yang bernilai” dalam bahasa Melayu dan “*Precious Gift*” dalam bahasa Inggeris. Ianya merupakan *magnum opus* Raja Ali Haji yang berkisarkan sejarah Raja-raja Melayu dan Bugis. Karya

ini merupakan satu karya sejarah yang sangat besar kerana merangkumi konsepsi sejarah yang luas bermula daripada abad ke 17M sehingga pertengahan abad ke 19M dengan heterogen peristiwa dan latar tempat yang berbeza. Menurut Hooker (1998), *TN* meliputi sejarah yang berlaku di semua kerajaan Semenanjung Melayu dan di Kepulauan Riau-Lingga, Siak, Kalimantan Barat, Sulawesi Selatan serta Betawi. Justeru ianya dianggap sebagai sebuah karya bersifat *super-local* (merentas sempadan dan tempat).

TN telah mula ditulis pada tahun 1865M sebagaimana tercatat dalam mukadimah karya tersebut dan disokong oleh Winstedt (1991) yang menyatakan, “*His Tuhfat al-Nafis, or ‘The Precious Gift,’ was begun in 1865...*” Secara ringkasnya, pensejarahan *TN* merangkumi dua bab besar iaitu salasilah Raja-raja Melayu dan Bugis dalam bab pertama dan peristiwa-peristiwa yang melibatkan Raja-raja Melayu dan keturunan Bugis dalam bab kedua. Bab pertama *TN* merangkumi tiga skop penting iaitu salasilah Raja-raja Melayu dari zaman Kesultanan Melaka sehinggalah disambung ke zaman Kesultanan Johor-Riau-Lingga, salasilah orang-orang Bugis dan peristiwa-peristiwa sebelum kelahiran Raja Ali Haji (Muhd. Yusof, 2010). Bagi bab kedua pula, pengarang lebih memfokuskan aktiviti orang-orang Bugis di Alam Melayu sejak abad ke-17M sehingga pertengahan abad ke 19M (Muhd. Yusof, 2010). Selain gambaran sejarah yang tercerna, Raja Ali Haji turut melakarkan kepentingan akhlak dengan menyatakan keburukan sifat-sifat madhmumah termasuklah sifat dengki yang menjadi topik perbincangan dalam kajian ini.

6.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Menurut Jelani Harun (2003), karya ketatanegaraan dengan konsep keadilan memaparkan sifat adil bagi raja dan para pembesar. Keadilan tersebut merangkumi horizon yang luas termasuklah menghindarkan diri daripada sifat-sifat tercela. Pemaparan sifat-sifat tercela termasuklah dengki dalam *TM* adalah manifestasi Raja Ali Haji terhadap signifikansi persoalan dalaman insani (*spiritual*) sebagai asas kepada tindakan dan perilaku yang benar. Raja Ali Haji di awal bahagian *khatimah* (penutup) mengungkapkan dengki sebagai salah satu kecacatan yang wajib dielakkan sejagat khususnya bagi raja dan pembesar. Malahan, beliau turut menggambarkan norma dengki sebagai krisis jiwa berorientasikan keadilan, berperanan sebagai pencetus kebinasaan diri dan individu lain. Raja Ali Haji menggambarkan sifat dengki sebagaimana berikut:

“Bermula hasad yakni dengki itu satu sifat yang maha besar kecelaananya barang yang di dalam hati wajib segala manusia apalagi Raja-raja dan Orang Besar-besar maka ia itu min bab al-awla, kerana sifat dengki itu membawa kepada kebinasaan dirinya hingga sampai membinasakan orang yang lainnya...” (*Thamarat al-Mubimmah*: 65).

Bagi Raja Ali Haji, memang persoalan *external* (lahiriah) adalah penting dalam kepimpinan, tetapi pelecehan terhadap isu *internal* (batiniah) adalah kunci batin kepada penggemblengan keadilan. Justeru, penghindaran diri daripada perbuatan tidak bermoral atau berlandaskan nafsu adalah satu keperluan utama bagi pemerintah yang menginginkan keadilan hakiki tercapai (Tatiana, 2011). Pada paksi keadilan dalam diri, amat mustahak ianya ditegakkan agar segala yang terzahir daripada anggota badan berpandukan nilai kebenaran. Nilai kebenaran dalam perbuatan secara tidak langsung terkait dengan ilmu serta kebijaksanaan (Nor Asma & Muhd Nurizam, 2016). Bagi Al-Attas (2001: 137-138) kitaran kemunculan pemimpin yang tidak layak memimpin, tidak memiliki akhlak, tidak berkeupayaan dari sudut intelektual dan spiritual berakar daripada kehilangan adab (*loss of adab*) dalam masyarakat. Pada asas yang lebih mendalam, ianya bermula dengan kekeliruan persepsi berkaitan ilmu pengetahuan (Wan Mohd Nor, 2020: 65). Untuk itu, Raja Ali Haji membahaskan secara sistematik permasalahan dengki dengan mendefinisikannya, menyatakan bahaya dan kebinasaan dengki serta ubat bagi penyakit dengki bagi merangsang pembentukan

pengetahuan yang benar (*right knowledge*). Peringkat pentingnya pemugaran makna yang benar terhadap masalah dengki adalah bagi mengelakkan kekeliruan memahami penyebab serta permasalahan inti.

Beliau mendefinisikan dengki sebagai satu keadaan individu yang suka akan hilangnya nikmat seseorang yang lain (dunia atau agama). Pentakrifan ini adalah selari dengan takrif dengki menurut sarjana Muslim sebagaimana dibincangkan sebelumnya dan berkemungkinan terhasil daripada pengaruh pendidikan Raja Ali Haji yang berlatar belakangkan pengajian Islam secara tradisional. *De-facto*-nya, pendefinisian adalah suatu yang mustahak kerana menurut Plato, definisi adalah akar yang mendasari kebenaran pengetahuan (Zainal Abidin, 1994: 3). Bahkan bagi al-Attas, permasalahan intelektual masyarakat Islam berpokok-pangkalkan kemiskinan ilmu tentang kaedah mendefinisikan sesuatu (Wan Mohd Nor, 2020: 82). Pemaknaan dengki secara tepat oleh Raja Ali Haji sesungguhnya telah memberi gambaran komprehensif serta kompleks kepada pemerintah bagi persoalan dengki. Bagi menjernihkan makna dengki yang sesungguhnya, beliau turut mengklasifikasikan dengki kepada dua bahagian. Pertama, keadaan disposisi dalaman yang terus-menerus menggerakkan kebencian tetapi tidak dimanifestasikan anggota badan dalam bentuk perbuatan adalah kedengkian yang tidak membawa mudarat. Kedua, dengki yang memudaratkan dan berorientasikan kezaliman merujuk kepada keadaan yang diikuti serta dimanifestasi dalam bentuk perbuatan dan dihukum sebagai, “*dengki yang jabat lagi haram dosa besar.*” Di sini, Raja Ali Haji menyangkan bahawa meskipun soal dalaman adalah mustahak, tetapi sekiranya tidak dizahirkan maka ianya tidak perlu dipersoalkan lantaran keadaannya yang rahsia. Yang perlu dibimbangi adalah realiti yang terzahir hasil sifat dan rasa dalam hati tersebut kerana ianya memberikan impak-impak negatif.

Akibat negatif tersebut dipaparkan bersama dengan balasan yang diterima di dunia serta akhirat. Huraian keburukan dengki diapit dengan analogi, contoh-contoh perbuatan dan hadith sebagai satu bentuk *supporting evidence*. Beliau mengartikulasikan lapan jenis bahaya dan akibat bersikap dengki seperti berikut (*Thamarat al-Muhimmah*: 66):

1. Dengki boleh menghapuskan amal ibadat bahkan segala pahala amal ibadat akan habis. Raja Ali Haji turut memberikan analogi iaitu, “*dengki ibarat api yang memakan kayu kering.*” [Berkemungkinan analogi tersebut berasaskan hadith baginda (Abu Dawud, 2009, 7: 264, *Kitab al-Adab, Bab fi al-Hasad*, No. Hadith: 4903)].
2. Dengki berupaya menyebabkan pelbagai perbuatan maksiat. Antara contoh yang dinyatakan ialah mengumpat, berbohong, bermaki-makian, suka orang yang didengki mendapat bala, berkelahi, bertumbuk dan bertikam.
3. Dengki menjadi punca tertegahnya syafaat baginda Nabi Muhammad S.A.W. pada hari kiamat. Raja Ali Haji turut menyebutkan hadith baginda, “*orang yang dengki itu bukan daripada aku.*” [Hadith ini diriwayatkan oleh at-Tabrani. Al-Albani (2000) menyatakan hadith ini sebagai dhaif (*Dhaif al-Tarhib wa al-Tarhib*, 2: 244, No. Hadith: 1725). Ibnu Kathir (1994) dan Muhammad Abdul Rauf al-Munawi (1972) juga menyatakan sebagai dhaif dan menukilkan bahawa al-Haythami berkata bahawa Sulaiman bin Salmah al-Khabathiri matruk’ (*Jami’ al-Masanid wa al-Sunan*, 7: 336, No. Hadith: 5219 & *Faidhu al-Qadhir Syarah Jami’ al-Shahjir*, 5: 390, No. Hadith: 7700)].
4. Orang yang dengki akan masuk neraka. Menurut Raja Ali Haji, orang yang dengki ibarat menyalahkan Allah atas kurniaan terhadap orang yang didengkinya.
5. Dengki boleh membawa kepada kemudaratkan terhadap orang yang didengkinya seperti perbuatan fitnah. Raja Ali Haji menyuruh berlindung daripada orang-orang yang dengki dengan pengabsahan daripada hadith. Beliau menyebut, “*sebab inilah Rasulullah Salla’llah ‘alayhi wa Sallam*

menyuruh berlindung kepada Allah daripada kejahatan si pe[n]dengki seperti berlindung daripada kejahatan shaytan yang kena rejam dan yang kena la'nat seperti yang tersebut di dalam Hadith.” [Tidak dapat dipastikan secara tepat matan hadith yang dirujuk oleh Raja Ali Haji. Berkemungkinan Raja Ali Haji merujuk kepada hadith yang bermaksud: “Aku memperlindungan kamu berdua dengan kalimah-kalimah Allah yang Maha Sempurna daripada syaitan, binatang berbisa dan mata yang dengki.” (Abu Dawud, 2009, 7: 117, Kitab al-Sunnah, Bab fi al-Qur’an, No. Hadith: 4737 & At-Tirmidzi, 1996, 3: 577, Abwab al-Tibb, Bab 18, No. Hadith: 2060).]

6. Orang yang dengki akan sentiasa dalam kegelisahan, kesusahan dan kedukaan kerana memikirkan serta mencari tipu-helah bagi menjatuhkan orang yang didengkinya.

7. Akan dibutakan mata hatinya oleh Allah sehingga tidak dapat memahami hukum-hukum Allah.

8. Orang yang dengki tidak akan ditolong Allah kerana dibenci oleh Allah. Raja Ali Haji menulis, “sebab benci Allah Ta’ala akan dia dan orang yang didengkikan itu juga yang mendapat seperti kehendaknya dari sebab si dengki itu orang yang zalim dan yang didengkikannya itu orang yang kena mazlum. Bermula Allah Ta’ala itu Adil lagi Mengasihani akan hamba-Nya yang kena mazlum, ya’ni yang teraniaya oleh si dengki adanya.”

Dalam hal ini, Raja Ali Haji memotretkan dengki sebagai satu bentuk kezaliman pada diri sendiri kerana segala akibat yang ditampilkan berkesudahan dengan kerugian kepada pelaku. Dalam Islam, sebarang bentuk kezaliman pasti diakhiri dengan balasan daripada Allah (Tatiana, 2011). Sebagaimana dinyatakan dalam bahagian sorotan literatur, kezaliman berlawanan dengan keadilan mengkonsekuensikan sejumlah dampak yang terpalit ke atas diri sendiri. Hukum sejarah (*historical law*) menetapkan bahawa penghapusan tamadun dan generasi akan berulang kembali apabila gejala kezaliman berleluasa. Dalam erti kata lain, ianya adalah satu bentuk penganiayaan terhadap diri sendiri sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Talaq (65:1) yang bermaksud, “*barangsiapa yang melanggar hukum-hukum Allah maka sesungguhnya ia telah menganiaya dirinya sendiri*” (Maizuddin, 2014). Kendatipun fokus Raja Ali Haji tertumpu bagi menyingkirkan krisis dengki bagi Raja-raja dan Orang-orang besar, tetapi ianya turut bersifat sejagat dan universal bahkan boleh dijadikan *ibrah* bagi pembaca umum. Ini kerana tidak wujud sebarang perkataan yang disebut secara khusus terhadap para raja dan pembesar dalam bahagian bahaya serta kebinasaan dengki. Berkemungkinan, penayangan teoretikal keburukan dengki ini adalah berdasarkan analisis Raja Ali Haji terhadap masalah-masalah yang berlaku dalam lipatan sejarah Melayu dan Bugis.

Dalam bahagian awal *TN*, Raja Ali Haji menyuratkan seorang gundik Raja Iskandar Syah (1344-1414M) telah memfitnah seorang lagi gundik (anak menteri Sang Rajuna Tapa). Sebagaimana dibincangkan sebelumnya, dengki yang berpokok-puncakan kebencian dan permusuhan akan menyebabkan penganiayaan terhadap orang yang didengki. Perbuatan fitnah tersebut secara zahirnya mengharapkan kemurkaan Raja Iskandar Syah terhadap anak Sang Rajuna Tapa sehingga mengakibatkan peristiwa berdarah sebagaimana dinyatakan di bawah:

“Maka difitnahkan oleh seorang daripada gundiknya (Raja Iskandar Syah kepada Raja Iskandar Syah) mengatakan gundik baginda anak penghulu bendahari bermukah dengan seorang laki-laki. Maka murkalah Raja Iskandar Syah (itu) akan gundiknya anak penghulu bendahari (itu), lalu disuruhnya akan seorang membunuh(nya). Kemudian disuruhnya pula pancungkan di Hujung Pasir, padahal pekerjaan itu tiada dengan usul periksa lagi.” (*Tuhfat al-Nafis*: 6).

Kegopohan Raja Iskandar Syah menghukum gundiknya dikritik oleh Raja Ali Haji dengan frasa “*padahal pekerjaan itu tiada dengan usul periksa lagi*.” Kegagalan menghukum dengan adil ini telah

membawa padah apabila Sang Rajuna Tapa kemudiannya bertindak belot dan bersekutu dengan kerajaan Majapahit untuk menumbangkan kerajaan Singapura. Adalah benar bahawa pemerintahan yang tidak adil kerana menuruti hawa nafsu mengakibatkan sejumlah kemerosotan terhadap negara (Tatiana, 2011). Ini disokong Arba'iyah (2021) bahawa normalisasi dengki-dendam-marah akan mengkonsekuensikan kebinasaan terhadap kerajaan dan masyarakat. Meskipun Raja Ali Haji memberi pengadilan moral terhadap perbuatan Raja Iskandar Syah, perlu diperjelaskan bahawa seawal-awal punca batinnya adalah daripada sifat dengki sehingga membawa kepada fitnah, pembunuhan dan seterusnya menyebabkan perseteruan berdarah. Di sini, dengki yang digambarkan secara implisit amat bertepatan dengan bahaya kelima seperti yang dinyatakan oleh Raja Ali Haji dalam *TM*. Barangkali sebab itu jugalah Raja Ali Haji berpesan supaya memohon perlindungan daripada orang-orang yang dengki sebagaimana dinyatakan dalam hadith baginda S.A.W. Kemerosotan negara akhirnya disuratkan sebagaimana berikut:

“Maka Raja Manjapahit pun datanglah melanggar (ke) Singapura. Maka Singapura pun alahlah kerana rakyat Jawa datang itu terlalu banyak(nya) sekira-kira dua keti. Maka larilah Raja Iskandar Syah...” (*Tuhfat al-Nafis*: 6)

Selain itu, pengarang *TN* memaparkan dengki sebagai punca kepada perseteruan di antara Melayu dan Bugis sejak zaman Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah (1722-1760M). Ianya disebabkan oleh layanan mesra Sultan Sulaiman terhadap orang-orang Bugis sebagaimana disuratkan seperti berikut:

“Demikian lagi (Baginda) Sultan Sulaiman balik dari pada melanggar Siantan itu, sangatlah rapatnya dengan suku-suku pihak Bugis, serta tampak kasih sayangnya tulus ikhlasnya dan mesranya dengan (paduka anakanda baginda) Yang Dipertuan Muda adik beradik. Syahadan apabila dilihat oleh setengah (suku-suku sebelah) Melayu hal yang demikian itu, maka terbakarlah hatinya fi hasad...” (*Tuhfat al-Nafis*: 139).

Suasana mesra Sultan Sulaiman dan Bugis akhirnya mencetuskan kedengkian dalam kalangan orang-orang Melayu. Beberapa peristiwa kemudiannya terpancar sehingga menyebabkan kehuru-haraan kepada isi negeri dan ringkasannya dapat disaksikan dalam Jadual 1 seperti di bawah:

Jadual 1: Peristiwa-peristiwa yang berlaku akibat kedengkian orang-orang Melayu terhadap Bugis.

Teks	Akibat
<p>“Maka (adalah suku-suku Melayu serta) Raja Terengganu gadublah tiap-tiap malam (berjaga katanya, “Bugis-Bugis ini hendak kbianat.” Maka tiap-tiap malam berbuatlah gaduh mengatakan segala Bugis-Bugis hendak membakar rumah, dan hendak mengamuk). Maka di dalam sebulan dua tiga kali datang fitnah...”</p> <p>“Kemudian selang (empat) lima (hari) gaduh pula orang Terengganu, dan suku Melayu itu, mengatakan Bugis hendak membakar kota, (sudah) dikejanya lari. Maka gempar(lah) pula pada ketika tengah malam (dini bari), gadublah (di dalam negeri Riau itu). Maka apabila siang hari maka Yang Dipertuan Muda pun segera(lah) mengumpulkan (segala) Bugis-Bugis dan segala Melayu diperbadapkan (kedua)nya. Maka diperiksa(lah) (di) tengah (-tengah) perkumpulan orang ramai(-ramai) itu oleh titah Yang Dipertuan (Muda). “Siapa yang melihat, dan siapa (yang) pergi mengejar, dan siapa yang dikejar, dan siapa yang berkhobar semalam, (dan siapa yang berkhobar ini)?” Maka (tiada) seorang pun mengaku.” (<i>Tuhfat al-Nafis</i>: 140).</p>	<p>Dengki menyebabkan fitnah sehingga mencetuskan suasana huru-hara.</p>
<p>“Kemudian renggang dua tiga hari datang pula fitnah, mengatakan Bugis-Bugis hendak jahat, memakai baju rantai, berterendak Bintang, berkeris bercabut, berjalan di darat kota. Maka berkeliaran pula segala orang-orang Terengganu dengan lembing beberkas-berkas mengejar ke darat, dan mengepung. Maka riuh rendah berjeritan terlari-lari dengan lembing, beberapa berkeris. (Maka) apabila penat balik semula ke dalam kota, dengan riuh rendah berkata, “Sedikit seorang ke situ larinya, kami kejar!”</p>	<p>Dengki mendampakkan fitnah sehingga hampir menyebabkan peperangan.</p>

<p>“Syabadan maka dikumpulkan pula oleh baginda serta Yang Dipertuan Muda Bugis-Bugis, hingga Bugis-Bugis perdagang pun dipanggil juga, diperbadapkan disuruh kenal. Maka tiada pula suka-suka Melayu itu tertunjukkan. Maka titah baginda, “Siapa yang mula-mula melihat itu?” Maka tiada pula tentu, kata seorang, “Si Anu berkhabar melihatnya.” Ditanya pula seorang lagi, dia berkhabar, “Si Anu, berkhabar, si anu melihat pula,” hingga begitulah halnya, tiadalah dapat ketentuannya yang sah orang melihat. Maka berhentilah pula pergaduhan itu.” (Tuhfat al-Nafis: 140-141).</p>	
<p>“Syabadan ada kira-kira sepuluh (lima belas) hari renggangnya, datang pula fitnah yang besar (pula), mengatakan orang Bugis meradak rumah (Engku) Tun Wangsa. Maka gemparlah (pula pada) malam itu, dan orang Terengganu pun berlari-larianlah dengan lembing bercabut beberkas-berkas pergilah ia ke rumah (Engku) Tun Wangsa itu, riuh-rendah, mengata, “Kepung! Kepung! Itu dia!” Maka berkejar (dan) berhambat-hambatanlah orang Terengganu (itu)...”</p> <p>“Maka kata Raja Abd al-Jalil, “Engkau kenalkah orang/nya/ yang meradak itu? (Orang) Bugiskah, atau orang mana? Adakah engkau suluh mukanya (orang yang meradak itu)?” Maka jawab mereka itu, “Tidak, tuanku.” Maka titahnya, “Jikalau tidak engkau suluh (mukanya), di mana engkau tahu (kan) orang Bugis dengan sebegini gelapnya mala mini?” Maka jawab(nya) mereka itu, “Periksalah tuanku, pacal(-pacal) yang ramai mengatakan orang Bugis konon. Maka patik pun mengikutlah.” Maka titah Raja Abd al-Jalil, “Jikalau begini kelakuan(nya) engkau semua ini, sengaja engkau semua (ini) hendak mengadu tuan engkau dengan aku, atau dengan Bugis(-Bugis beramuk).” (Tuhfat al-Nafis: 141).</p>	<p>Dengki menyebabkan fitnah dan kemudiannya menggemparkan isi negeri.</p>

Ternyata teori bahaya sifat dengki Raja Ali Haji dalam *TM* mempunyai asas yang sangat kukuh bahkan ianya turut disokong dengan *real life example* berdasarkan peristiwa sejarah. Ketiga-tiga peristiwa seperti ditunjukkan di atas mencetuskan fitnah sehingga menimbulkan kekacauan dalaman. Pokok-pangkalnya kembali jua kepada kedengkian terhadap hubungan baik Sultan Sulaiman dengan orang-orang Bugis. Sebagaimana misi dan visi Raja Ali Haji untuk menyelamatkan bangsanya, duniawi dan ukhrawi, maka misi membebaskan diri daripada permasalahan pokok masyarakat diketengahkan melalui sejarah negara-bangsanya sendiri. Dalam hal ini, beliau menggunakan peranan sastera sebagai alat pembentukan jiwa melalui ibrah sejarah yang perlu difahami dan diambil pelajaran dengan membina jati diri individu bebas sifat dengki. Ke arah pembinaan jati diri bangsa, jati diri individu itulah yang menjadi asas sebagaimana pokok yang berasal daripada sebiji benih jua. Kehidupan terbentuk dan terlangsung daripada sebenih yang kecil dan akhirnya tumbuh sebagai pohon mengikut acuan benih itu sendiri (Siti Nor Aisyah, 2012). Inilah alasan rasional mengapa persoalan dengki turut ditekankan dalam *TN* iaitu sebagai mesej pengasuhan masyarakat yang baik. Berbeza dengan persoalan dengki dalam *TM* yang ditujukan sebagai usaha-daya untuk melahirkan pemimpin yang baik.

Justeru itu, Raja Ali Haji memberikan pendapat tersendiri tentang dengki, iaitu sebagai pokok-pangkal kepada dendam dan kemarahan yang membawa kepada perseteruan di antara orang-orang Melayu dan Bugis. Perkara demikian dinyatakan sebagaimana berikut:

“Maka hal yang demikian itu, iaitu tiga perkara inilah menjadi pokok hasad al-mahsud wa hakid al-mahkud, yakni pekerjaan yang dengki pada yang didengkikan, dan pekerjaan dendam yang didendamkan masing di dalam hati, bertambah (pula) melihatkan negeri sudah ramai, Bugis pula memerintahnya, makin bertambahlah dendam hatinya itu, bernyalalah mangkin lama mangkin besar. Maka apabila api sudah besar payahlah padamnya dan payah pula memadamkannya, akhir-akhirnya menjadi seterulah api itu dan marah. Maka memakanlah api itu akan akal yang baik. Maka keluarlah buah api itu dan bunga api itu, pada perkataan dan pada kelakuan pada mencari apa-apa yang kan menjadi kebinasaan dan kesusahan atas seterunya. Intiha” (Tuhfat al-Nafis: 130).

“...maka terbakarlah hatinya fi hasad dan hakid yang tertanam di dalam hatinya memakanlah apinya itu kepada akalunya. Maka terbakarlah akalunya itu, jadilah mengikut akan hawa nafsunya, yang tiada hiraukan manfaat dan muzarat fi al-dunia wa al-akhirat...” (*Tuhfat al-Nafis*: 139).

Raja Ali Haji menayangkan dengki ibarat api yang membakar dan susah untuk dipadam lantaran nyalaannya yang besar. Analogi ini juga selari dengan bahaya dengki pertama (dengki ibarat api yang memakan kayu kering) dalam *TM*. Maka, pertimbangan sihat antara baik dan buruk tidak dapat dicerna manusia sebagai akibat akal yang telah dikaburi kedengkian. Api kedengkian ini disifatkan akan menggerakkan perkataan dan perbuatan manusia yang buruk. Disebabkan itu, Raja Ali Haji membayangkan dengki sebagai buah api dan bunga api yang mencari kebinasaan atas musuhnya. Keadaan diri yang dikuasai nafsu dengki digambarkan tidak menghiraukan dampak-dampaknya sama ada di dunia mahupun di akhirat sehingga menghilangkan pertimbangan akal yang sihat. Ini sekaligus menggambarkan peri pentingnya akal menurut Raja Ali Haji. Akal digunakan untuk memikirkan kebesaran Tuhan dan berfungsi untuk membezakan di antara kebaikan dan keburukan. Dalam konteks ibadah dan pemerintah, akal merupakan ciri utama dalam usaha melaksanakan tuntutan agama dengan sempurna (Jelani Harun, 2003). Sebab itu, Raja Ali Haji menegaskan keterbakaran akal akibat dengki menjadi punca diri menuruti kehendak nafsu. Dalam erti kata lain, dengki berupaya menghilangkan pertimbangan akal yang rasional sehingga seluruh anggota akan menuruti tuntutan nafsu untuk melakukan penganiayaan. Secara tidak langsung, keadaan ini bertepatan dengan kezaliman lantaran nafsu yang menghilangkan keadilan. Terdapat tiga jenis kezaliman menurut al-Quran iaitu zalim kepada Allah, zalim terhadap sesama manusia, dan zalim terhadap diri sendiri. Walau bagaimanapun, segala kezaliman yang dilakukan pada akhirnya berpatah jua balasannya kepada diri sendiri sebagaimana ditegaskan oleh Al-Attas (1993), “...that justice and injustice indeed begin and end with the self. The Holy Quran repeatedly stresses the point that man, when he does wrong, is being unjust (*ẓalim*) to himself, and that injustice (*ẓulm*) is a condition wrought by man upon himself...” Jadi, ianya selaras dengan lapan kebinasaan dengki yang diartikulasikan Raja Ali Haji dengan keadaan segala dengki yang dizahirkan akhirnya kembali memberi impak negatif terhadap diri pelaku di dunia dan akhirat.

Analogi api yang menyala tidaklah membawa makna bahawa ianya tidak dapat dipadamkan. Sifat api yang lemah terhadap air dan memerlukan oksigen untuk menyala menunjukkan kehalusan pemikiran Raja Ali Haji. Dalam erti kata yang ringkas, dengki boleh dipadamkan tetapi ianya memerlukan kaedah dan alatan tertentu. *TN* tidak menyediakan sebarang petunjuk untuk mengubati penyakit dengki tetapi penawarnya dapat ditemui dalam *TM*. Menurut Raja Ali Haji, dengki boleh diubati dengan ilmu serta amal. Makna ilmu tersebut ialah kesedaran terhadap segala kemungkinan buruk yang dibawa penyakit dengki. Manakala bagi amal pula, ianya merujuk kepada kawalan sendiri agar sifat dengki tidak terhasil dalam bentuk perbuatan. Raja Ali Haji juga mengesyorkan agar perasaan iri terhadap seseorang ditukar dengan memuji orang yang didengki, merendahkan diri kepadanya dan berdoa untuknya. Beliau menyatakan dalam *TM* seperti berikut:

“Adapun ilmu ingatkanlah baik-baik kejahatan dengki dan celaknya dan bahayanya seperti yang telah tersebut itu. Adapun amal, maka hendak tilik benar-benar hati kita dan jaga-jaga benar-benar kehendak hati yang hendak dengki itu jangan terlepas keluar kepada anggota. Shahdan, jika datang dengki itu hendak mencacat atau mencela dia-tukarkan dan keluarkan dengan lidah membaiki dan memuji akan orang yang didengikannya itu; dan jika datang dengki kita hendak takbur atasnya-tukarkan dengan kita merendahkan diri kepadanya; dan jika datang dengki kita itu hendak menjatuhkan orang yang didengikannya itu-cari aqal dan hilah supaya bertambah-tambah naiknya, ya’ni naik kepada pangkat dan darjat; dan jika datang dengki kita hendak menahan ni’mat kepada orang yang didengikannya itu-gagahkan nafsu kita hendak mendu’akan dia dengan kejahatan-maka tukarkan dengan mendu’akan kebajikan” (*Thamarat al-Muhimmab*: 67)

Gabungan nasihat dan mesej-mesej tentang dengki dalam *TM* dan *TN* memberikan gambaran komprehensif merangkumi definisi, akibat, bukti-bukti daripada peristiwa lampau serta penawar bagi penyakit batin ini. Artikulasi Raja Ali Haji secara teori dan praktikal dalam *TM* dan *TN* akhirnya berpokok-pangkal kepada usaha menyedarkan diri tentang dampak-dampak dengki. Secara tidak langsung, pengasuhan jiwa dan reformasi diri (*inner-self reformation*) (*taghyir al-nafs*) terpampang di dalam persoalan dengki ditekankan dalam konteks pengetahuan yang benar (*right knowledge*) untuk menghasilkan tindakan yang tepat (*right conduct*). Dalam konteks dengki, sebagaimana dianalisis sebelumnya, usaha-daya Raja Ali Haji adalah berpaksikan matlamat melahirkan manusia yang baik. Memang izhar bahawa *TM* ditujukan bagi melahirkan pemimpin yang baik manakala *TN* bertujuan melahirkan masyarakat yang baik. Namun, masyarakat dan pemimpin yang baik hanya dapat dijelmakan apabila individu menjadi baik. Baik yang boleh disimpulkan daripada analisis ini merujuk kepada kebolehan mengurus disposisi dalaman daripada sifat dengki yang merupakan masalah tingkat tertinggi dalam hierarki krisis akhlak manusia. Asasnya ialah dengan memahami norma dan konsekuensi dengki (*right knowledge*) seterusnya berusaha-daya menjauhinya dan mengawal zahir-batin diri (*right conduct*) kerana orientasi pemanifestasian dengki secara zahir oleh pelaku akan mengakibatkan penganiayaan dan kezaliman. Ianya juga selaras dengan makna *good man* oleh al-Attas iaitu, “*A good man is one who realizes his responsibilities towards his God the Most Righteous; a man who understands and conducts execution of justice upon himself and upon others within his society; a man who in his various acts consistently nurtures himself towards perfection*” (Muhammad Ardiansyah et al., 2019).

7.0 KESIMPULAN

Hasil analisis ini menunjukkan bahawa dengki merupakan suatu penyakit yang tercela dan perlu dielakkan oleh segenap lapisan masyarakat. Pemanifestasian dengki akan mencetuskan pelbagai impak negatif sebagaimana diringkaskan Raja Ali Haji kepada lapan bahagian. Kelapan-lapan akibat tersebut balasannya kembali terkena ke atas diri pelaku sama ada di dunia mahupun akhirat. Oleh sebab dengki berorientasikan kezaliman tatkala dizahirkan, maka ianya menatijahkan sejumlah konsekuensi terhadap orang lain seperti fitnah, pergaduhan dan perseteruan berdarah serta menghilangkan fungsi akal yang sihat. Hal ini dianggap sebagai suatu bentuk kezaliman terhadap diri sendiri lantaran keadaannya yang mendorong manusia menuruti nafsu untuk melakukan penganiayaan. Sebagai usaha pembendungan, Raja Ali Haji merekonstruksikan solusi bagi krisis dengki iaitu ilmu dan amal bagi menghalang diri terikut-ikut dengan ajakan nafsu yang boleh menjatuhkan manusia ke lembah kezaliman. Deduksinya, lakaran komprehensif Raja Ali Haji tentang sifat dengki secara teori dan praktikal menjelaskan matlamat murninya untuk melahirkan manusia yang baik. Dalam erti kata, bebas krisis dalaman insani dan tersiap rapi dengan pengetahuan benar (*right knowledge*) yang boleh menuntun kepada perilaku yang tepat (*right conduct*).

Hasil perbincangan ini membuktikan, Raja Ali Haji telah berjaya menggambarkan permasalahan inti manusia yang berpokok-puncakan kedengkian melalui analisis sejarah negara-bangsanya sendiri ketika mengarang *Tuhfat al-Nafis*. Ianya sekaligus mengangkat Raja Ali Haji sebagai seorang pemikir Alam Melayu yang sentiasa memperhalusi masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakatnya dan menawarkan jalan keluar menurut lunas-lunas Islam. Berkemungkinan beberapa jenis pemikiran beliau turut dijelmakan melalui analisis sejarah yang sama dan seharusnya menjadi perhatian penyelidikan kini seperti signifikansi agama, akal dan ilmu bagi pemimpin dan masyarakat memandangkan kedua-duanya diperihalkan secara terperinci dalam *TM* dan *TN*.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Malaya dan Universiti Teknologi Malaysia dalam menyempurnakan artikel ini.

Rujukan

- Abdul Qodir Abdul Mutalib al-Mandili. (t.t.) *Penawar Bagi Hati*. Fatani: Matba'ah bin Halabi.
- Abu Dawud. (2009). *Sunan Abi Dawud* (Pentahq. Syu'aib al-Arna'uth). Beirut: Dar al-Risalah al-Ilmiah. Jilid 7.
- Abu Hassan Sham. (1995). *Syair-Syair Melayu Riau*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Al-Albani, Muhammad Nasiruddin.(2000). *Dhaif al-Targhib wa al-Tarhib*. Riyadh: Maktabah Al-Ma'arif li an-Nasyri wa Tauzi'. Jilid 2.
- Al-Ghazali. (1995). *Bidayatul Hidayah: Permulaan Jalan Hidayah* (Penterj. Ahmad Fahmi Zamzam). Pokok Sena: Khazanah Banjariyah.
- Al-Manawi, Muhammad bin Abdul Rauf. (1972). *Faidhu al-Qadhir Syarah Jami' al-Shahjir*. Beirut: Dar al-Ma'rifah. Jilid 5.
- Alimuddin Hassan. (2018). The Malay Historiography: A Study of Raja Ali Hajis Tuhfat al-Nafis. *Asia Pacific Journal on Religion and Society*, 2(1): 21-28.
- Arba'iyah Mohd Noor. (2014). Menelusuri Nilai Etika dalam Pemerintahan Johor-Riau-Lingga menerusi Naskhah Tuhfat al-Nafis Versi Terengganu. Dalam Herry Nur Hidayat, Pramono dan Zuriati (Ed.) *Prosiding Naskhab dan Relevansinya dalam Kehidupan Masa Kini*, 165-188. Padang: Pusat Studi dan Informasi Kebudayaan Minangkabau Universitas Andalas.
- Arba'iyah Mohd Noor. (2015). Pemikiran Sejarah Raja Ali Haji Menerusi Tuhfat al-Nafis Kary Ulung Kesultanan Johor-Riau-Lingga. Dalam Arba'iyah Mohd Noor dan Muhd Hanafi Ibrahim (Ed.) *Raja Ali Haji: Pemikir Ulung Alam Melayu Abad ke-19*, 80-109. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arba'iyah Mohd Noor. (2021). Kerangka Nilai Dalam Sistem Pemerintahan Melayu Menerusi Karya-Karya Raja Ali Haji. Dalam Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Salmah Jan Noor Muhammad, Anuar Ahmad Mohd Taqi, Muhammad Syafiq Mohd Ali, Ahmad Basri Mokhtar dan Sri Yanti Mahadzir (Ed.) *Prosiding Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu*, 282-291. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- At-Tirmidzi, Muhammad bin Isa. (1996). *Sunan at-Tirmidzi*. Beirut: Dar al-Gharab al-Islami. Jilid 3.
- Christensen. (2017). *Aristotle on Anger, Justice and Punishment*. (Tesis Sarjana). University College London.
- Denisova, Tatiana A. (2011). *Refleksi Historiografi Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Denisova, Tatiana A. (2015). Ketatanegaraan Melayu Kurun ke-19 Menerusi Pandangan Raja Ali Haji: Kajian Berasaskan Karya Sejarah Tuhfat al-Nafis. Dalam Arba'iyah Mohd Noor dan Muhd Hanafi Ibrahim (Ed.) *Raja Ali Haji: Pemikir Ulung Alam Melayu Abad ke-19*, 169-192. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Denisova, Tatiana A. (2021, Jun, 05). *Theoretical Approach to the Study of History*. RZS-CASIS Short Course, Islam and The Malay World: New Age in the Malay-Indonesian Archipelago.
- Hamza Yusuf. (2012). *Purification of Heart: Signs, Symptom and Cures of The Spiritual Disease of The Heart*. Amerika Syarikat: Sandala Inc.
- Hooker, Virginia Matheson. (1998). *Karya Agung: Tuhfat al-Nafis*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ibnu Khaldun, Abd al-Rahman. (2004). *Al-Muqaddimah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Kathir, Abu Fida' bin Ismail. (1994). *Jami' al-Masanid wa al-Sunan*. Beirut: Dar al-Fikr. Jilid 7.
- Ila Nurlaila Hidayat dan Witrin Gamayanti.. (2020). Dengki, Bersyukur dan Kualitas Hidup yang Mengalami Psikosomatik. *PSYMPATHIC: Jurnal Ilmiah Psikologi*, 7(1), 79-92.
- Institut Pendidikan Guru, Kampus Batu Lintang (IPG KBL): Pengajian Agama dan Al-Qur'an. (2014). *Sifat Mazmumah Perosak Hati*. Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa.
- Jan Van der Putten dan Al-Azhar. (1995). *Di dalam Berkekalan Persahabatan: "In Ever Lasting Friendship": Letters from Raja Ali Haji*. Leiden: Department of Languages and Culture of South-East Asia and Oceania, University of Leiden.
- Jelani Harun. (2003). *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. (2016). *Bustan al-Salatin: A Malay Mirror for Rulers*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Hamka. (1990). *Tafsir al-Azhar* (Jilid 10). Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Kamus Dewan*. (Ed. ke-4). (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Khalif Muammar A. Harris. (2011). Ilmu Ketatanegaraan Melayu Abad ke-19: Kajian Terhadap Karya Raja Ali Haji. *SARI: International Journal of the Malay World and Civilisation*, 29(1), 79-101.
- Khalif Muammar A. Harris. (2018). *Ilmu Ketatanegaraan Melayu Raja Ali Haji: Huraian Terhadap Thamarat al-Muhimmah dan Muqaddimah fi Intizam Waza'if al-Malik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maizuddin, M.Ag. (2014). *Perspektif al-Quran tentang Manusia dan Kezhaliman*. Banda Aceh: Penerbit Fakultas Ushuluddin UIN Ar-Raniry.
- Makmur Harun, Mohd Kasturi dan Sitti Rachmawati. (2017). Historiografi Manuskrip Jawi Nusantara: Analisis Sejarah dalam Tuhfat Al-Nafis dan Sulalat Al-Salatin. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 5(1), 126-170.
- Mardiana Nordin. (2001). Raja Ali Haji dan Tuhfat al-Nafis. *Jurnal Malaysia dari Segi Sejarah*, 29(1), 74-92.
- Muhammad Ardiansyah, Didin Hafidhuddin, Endin Mujahidin dan Nirwan Syafrin. (2019). The Concept of Adab by Syed Muhammad Naquib al-Attas and its Relevance to Education in Indonesia. *Ibn Khaldun Journal of Social Science*, 1(1), 52-63.
- Muhd Yusof Ibrahim. (2010). *Sejarawan dan Persejarahan Melayu: Warisan & Kesenambungan*. Kinrara: Tinta Publisher.
- Norain Ismail. (2012). *Peperangan dalam Historiografi Johor: Kajian Terhadap Tuhfat al-Nafis*. (Tesis Sarjana). Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Nor Asma dan Muhd Nurizam Jamian. (2016). Akhlak Pemimpin dalam Hikayat Iskandar Zulkarnain: Satu Analisis Pendekatan Adab. *Jurnal Melayu*, 15(1), 50-66.
- Nurliana. (2018). *Nilai Psikologi Pendidikan Islam dalam Naskhab Gurindam Dua Belas Gubahan Raja Ali Haji*. (Tesis Sarjana). Universitas Muhammadiyah Yogyakarta.
- Raja Hisyamudin Raja Sulong dan Bharuddin Che Pa. (2012). Penggunaan Ayat-Ayat Al-Qur'an oleh Raja Ali Haji di dalam Karya Beliau Thamarat al-Muhimmah. Dalam *Prosiding, The 2nd Annual International Qur'anic Conference* (pp. 327-342). Pusat Penyelidikan al-Quran Universiti Malaya.
- Ramli Awang. (2012). *Islam: Pemikiran Kenegaraan dan Pemerintahan*. Johor Bharu: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

- Riddell, Peter G. (2001). *Islam and the Malay-Indonesian World*. London: C.Hurst & Co.
- Siti Nor Aisyah Ngadiran. (2012). *Konsep sejarah menurut Syed Mubammad Naquib Al-Attas : Kajian Terhadap Karya-Karya Terpilih*. (Tesis Sarjana). Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Siti Nursima Mohamed dan Ahmad Najib Abdullah. (2017). Hasad dan Takabbur Menurut Perspektif Hamka. *Jurnal al-Basirah*, 7 (1), 71-90.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1993). *Islam and Secularisme*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilisation.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (2001). *Risalah untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam.
- Thoriq Muiz. (2002). *Sifat Dengki Musub Diri*. Kuala Lumpur: Usnie Sdn. Bhd.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2020). *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed Mubammad Naquib Al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Wan Mohd Shaghir Wan Abdullah. (2014). *Thamarat al-Mubimmah Difayat li'l Umara'i wa'l-Kubara'i li-Ahli al-Mahkamah*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Winstedt, R.O. (1991). *A History of Classical Malay Literature* (Ed.Yusof A. Talib). Kuala Lumpur: Malaysia Branch Royal Asiatic Society.
- Yazid Maarof dan Mohamad Kamil. (2015). *Panduan Tasawuf*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin. (1994). *The Problem of Definition in Islamic Logic : A Study of Abu Naja al-Farid's Kasr al-Mantiq in Comparison with Ibn Taimiyyah's Kitab al-Radd `ala al-Mantiqiyin*. (Tesis Sarjana). Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam.